

AKTIVITI 9

Pada suatu petang, murid Tingkatan 1 Sekolah Menengah Tunas Murni berkumpul di padang untuk mempelajari permainan tradisional seperti congkak, gasing, dan galah panjang bersama Cikgu Andrita. Nadia dan Kalyani bermain congkak manakala murid lelaki bermain galah panjang dengan penuh semangat. Fateh pula bermain gasing dengan bantuan rakan-rakannya. Cikgu Andrita mengingatkan para muridnya supaya memelihara permainan tradisional yang merupakan warisan budaya bangsa Malaysia. Murid-murid berasa sangat gembira kerana mereka dapat bermain permainan tradisional yang turut mengeratkan hubungan sesama mereka.

1. Siapakah yang memperkenalkan permainan tradisional kepada murid-murid?

2. Apakah permainan yang dimainkan oleh Nadia dan Kalyani?

3. Apakah pesanan Cikgu Andrita kepada murid-murid?

4. Mengapakah murid-murid berasa gembira?

5. Bagaimanakah permainan tradisional dapat dipopularkan?
